

19 MAR, 2024

## Pertimbang laksana cukai karbon demi kelestarian alam, ekonomi

Berita Harian, Malaysia



# Pertimbang laksana cukai karbon demi kelestarian alam, ekonomi

- Matlamatnya adalah umpama serampang dua mata iaitu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan menggalakkan penggunaan sumber tenaga lebih bersih dan mampan
- Pengenalan cukai karbon adalah antara pendekatan proaktif untuk menangani perubahan iklim dan mendorong kemajuan ke arah tercapai SDG demi kelestarian hidup manusia



Pensyarah Kanan (Pengurusan Risiko), Fakulti Pengurusan & Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Johor

Oleh Oswald Timothy Edward  
 bhrencana@bh.com.my

Ketika Malaysia berusaha mengatasi cabaran alam sekitar pada masa sama mampu bergerak ke arah ekonomi rendah karbon dan menyumbang kepada matlamat kelestarian global, pelaksanaan cukai karbon muncul sebagai penyelesaian berpotensi menangani isu pencemaran alam.

Cukai karbon mendapat perhatian di pentas global sebagai cara untuk mengatasi cabaran alam sekitar sambil menyumbang kepada objektif kelestarian lebih luas, seperti Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Cukai karbon adalah instrumen dasar direka untuk mengurangkan impak pelepasan karbon ke atmosfera terhadap perubahan iklim dan menggalakkan peralihan kepada ekonomi rendah karbon.

Pada dasarnya, cukai karbon adalah bayaran dikenakan ke atas kandungan karbon bahan api fosil, khususnya petrol dan diesel. Matlamatnya adalah umpama serampang dua mata iaitu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan menggalakkan penggunaan sumber tenaga lebih bersih dan mampan.

Secara prinsipnya, dengan menetapkan bayaran pada pelepasan karbon, syarikat dan individu mempunyai dorongan atau insentif kewangan mengurangkan impak karbon mereka.

Malaysia, seperti kebanyakan negara, mempunyai komitmen untuk mencapai SDG menjelang 2030. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, Malaysia melancarkan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan kelestarian, tetapi pengenalan cukai karbon boleh memperkuat usaha ini dengan signifikan.

Persoalan yang timbul, apakah kepentingan cukai karbon ini. Ia dilihat boleh dijadikan dasar untuk mendorong syarikat dan individu mengurangkan pelepasan karbon mereka. Dengan mengenakan cukai kepada pelepasan karbon, syarikat dan individu menghasilkan lebih banyak karbon akan dikenakan caj lebih tinggi.

Ini akan mendorong mereka mencari cara bagaimana hendak mengurangkan pelepasan karbon mereka, seperti mengubah proses pengeluaran, melabur dalam teknologi hijau atau mengurangkan penggunaan bahan bakar fosil.

Dengan mengurangkan pelepasan karbon, mereka boleh mengurangkan jumlah cukai perlu dibayar, menjadikan amalan mampan dari segi alam sekitar.

Memperkenalkan cukai karbon sebagai insentif ekonomi boleh menggalakkan syarikat dan individu berubah kepada teknologi dan proses lebih bersih, efisien dari segi sumber, lantas menyokong sasaran SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab.

Penggunaan pendapatan diperoleh daripada cukai karbon boleh dibelanjakan untuk membiayai projek dan inisiatif bertujuan mengurangkan kesan perubahan iklim atau adaptasi terhadap kesan pelepasan gas rumah hijau.

Ini termasuk pelaburan dalam teknologi hijau, projek penanaman semula hutan, infrastruktur kalis cuaca dan usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Inisiatif ini akan menyumbang kepada SDG 13: Tindakan Iklim, secara langsung berkeupayaan mengurangkan kesan perubahan iklim.

Secara tidak langsung, negara menggunakan perolehan cukai karbon untuk membiayai projek seperti peningkatan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, mempercepat pencapaian matlamat dalam mengurangkan impak negatif perubahan iklim, seiring dengan SDG 3: Pembangunan Mampan dan SDG 1: Kemiskinan.

### Promosi penggunaan tenaga bersih

Cukai karbon memberikan insentif ekonomi untuk mengurangkan penggunaan bahan bakar fosil dan mempromosikan penggunaan tenaga bersih seperti solar, angin dan hidroelektrik.

Peralihan kepada tenaga bersih adalah kunci untuk mencapai matlamat SDG 7: Tenaga Berpatutan dan Bersih, mengurangkan kebergantungan bahan bakar fosil dan meningkatkan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui.

Peningkatan kualiti udara dan kesihatan awam adalah aspek penting dari SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik). Dengan mengurangkan pelepasan karbon dan pencemaran udara dihasilkan bahan bakar fosil, Malaysia dapat menyokong kesihatan awam lebih baik, mengurangkan penyakit pernafasan dan disebabkan pencemaran udara serta meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Populasi lebih sihat lebih cenderung mencapai SDG lain, seperti SDG 4: Pendidikan Berkualiti SDG 8: Pekerjaan layak dan Pertumbuhan Ekonomi.

Selain itu, cukai karbon boleh memberikan dorongan kepada pengguna beralih kepada pengangkutan lebih mampan, seperti pengangkutan awam, kenderaan elektrik atau berkongsi kenderaan.

Dengan membuat penggunaan kenderaan menggunakan bahan api fosil lebih mahal, cukai karbon membuat alternatif pengangkutan lebih mampan lebih menarik secara ekonomi. Pengangkutan mampan adalah kunci mencapai SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan serta SDG 9:

Industri, Inovasi dan Infrastruktur.

Galakkan penggunaan pengangkutan awam bersih dan efisien serta mempromosikan penggunaan kenderaan teknologi hijau, Malaysia boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas, pencemaran bunyi dan udara, serta memperbaiki akses ke perkhidmatan pengangkutan awam, menyumbang kepada pembangunan bandar mampan.

Cukai karbon juga boleh memberikan insentif kepada sektor pertanian untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau melalui amalan pertanian mampan, seperti penggunaan baja organik, pengurangan pembakaran terbuka atau penanaman pokok penyerap karbon. Ini membantu memajukan pertanian lebih mampan dari segi alam sekitar dan ekonomi.

Pertanian mampan menyumbang kepada beberapa SDG termasuk SDG 2: Pembasmian Kelaparan dan SDG 15: Kehidupan di Darat. Aspek positif pengenalan cukai karbon akan mendorong amalan pertanian mampan, mengukuhkan ketahanan makanan, mengurangkan kesan negatif pertanian terhadap alam sekitar dan mempromosikan penggunaan tanah secara lestari.

Walaupun pengenalan cukai karbon di Malaysia dilihat membawa manfaat signifikan, ia tidak terlepas daripada cabaran seperti impak terhadap isi rumah berpendapatan rendah, keperluan untuk penguatkuasaan berkesan dan mekanisme agihan pendapatan telus.

Apa yang penting, pengenalan cukai karbon adalah antara pendekatan proaktif untuk menangani perubahan iklim dan mendorong kemajuan ke arah tercapai SDG. Ia selari dengan komitmen negara terhadap kelestarian, pengeluaran dan penggunaan bertanggungjawab dan memelihara iklim.

Pelaksanaan cukai karbon yang seimbang antara pertimbangan alam sekitar dan sosioekonomi, dijangka menyumbang kepada masa depan kehidupan lebih lestari dan adil, selari dengan aspirasi global SDG.

